

Hubungan Kepimpinan Instruksional Guru Besar Dan Komitmen Guru Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah di Daerah Alor Gajah

M Pravin Kumar Machap¹, Aida Hanim A. Hamid²

¹ Postgraduate Student, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

² Senior Lecturer, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Penyelidikan ini dirancang untuk menganalisis perkaitan antara pemimpin sekolah dalam pelaksanaan kepimpinan instruksional yang diterajui dan tahap komitmen warga pendidik dalam mengendalikan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) di daerah Alor Gajah. Penelitian ini dilaksanakan bagi memahami sejauh mana kepimpinan instruksional mempengaruhi komitmen guru terhadap pelaksanaan PBD, selaras dengan keperluan meningkatkan kualiti pentaksiran berteraskan bilik darjah dalam sistem pendidikan semasa. Pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan dengan melibatkan seramai 231 orang guru dari 10 buah sekolah rendah di daerah tersebut telah di aplikasikan. Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik yang merangkumi tiga komponen utama: amalan kepimpinan instruksional, komitmen guru dan pelaksanaan PBD. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi, termasuk korelasi Pearson bagi mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua tahap kepimpinan instruksional guru besar dan komitmen guru berada pada tahap yang tinggi. Selain itu, terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara kepimpinan instruksional dan komitmen guru dalam pelaksanaan PBD ($r = 0.629$, $p < 0.001$). Implikasi kajian mencadangkan bahawa kepimpinan yang efektif dapat meningkatkan motivasi dan dedikasi guru terhadap pelaksanaan pentaksiran, sekali gus menyumbang kepada peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, latihan profesionalisme berterusan yang menekankan aspek kepimpinan instruksional adalah penting bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan PBD secara menyeluruh.

Kata kunci: Kepimpinan Instruksional, Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Komitmen Guru, Pendidikan

1. Pendahuluan

Sistem pendidikan sesebuah negara mencerminkan tahap kemajuan dan aspirasi masa depannya. Di Malaysia, pendidikan berperanan sebagai instrumen strategik dalam membentuk identiti nasional, memperkuuh perpaduan dan menjana pembangunan sosioekonomi. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), yang dirumuskan pada tahun 1996, menjadi tunjang kepada semua dasar pendidikan dengan menekankan pembangunan insan secara holistic. Keutamaan ini diterapkan dalam pelbagai dasar termasuk Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 yang memperkenalkan perubahan sistematik melibatkan kurikulum, pedagogi dan pentaksiran. Salah satu elemen utama dalam usaha ini



ialah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), yang digubal bagi menyokong pembelajaran berdasarkan bilik darjah secara lebih menyeluruh dan formatif.

PBD diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai pendekatan pentaksiran yang berterusan, holistik dan autentik. Ia memberi ruang kepada guru menilai perkembangan murid dari segi akademik, nilai murni, kemahiran sosial, dan emosi. Namun begitu, pelaksanaan PBD turut berdepan pelbagai cabaran termasuk beban tugas guru, kekangan masa, kurangnya pemahaman terhadap konsep pentaksiran formatif dan persepsi negatif terhadap keberkesanannya. Hal ini menyebabkan timbulnya keraguan dalam kalangan pendidik, terutama mereka yang masih berpegang kepada sistem pentaksiran tradisional yang lebih berpusatkan peperiksaan. Laporan seperti yang dikemukakan oleh Lee dan Mohd Zahuri Khairani (2018) serta Norzila Ismail et al. (2022) menunjukkan bahawa ketidaksediaan guru dari segi kefahaman falsafah dan pelaksanaan PBD memerlukan sokongan sistematik yang lebih kukuh.

Dalam konteks pelaksanaan dasar seperti PBD, kepimpinan sekolah memainkan peranan penting, khususnya kepimpinan instruksional oleh pentadbir sekolah. Menurut Hallinger dan Murphy (1985), kepimpinan instruksional merangkumi penetapan misi, pengurusan program pengajaran dan penciptaan iklim pembelajaran yang kondusif. Gaya kepimpinan ini menekankan pengaruh pemimpin terhadap kualiti pembelajaran di bilik darjah dengan memberi penekanan kepada bimbingan pedagogi, pembangunan profesional guru dan penglibatan dalam membuat keputusan pendidikan. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa kepimpinan instruksional yang berkesan boleh meningkatkan motivasi, profesionalisme dan keberkesanannya guru, seterusnya mempengaruhi komitmen mereka terhadap pelaksanaan dasar seperti PBD (Leithwood et al., 2004; Robinson et al., 2008).

Komitmen guru juga merupakan faktor penting dalam kejayaan sesuatu dasar pendidikan. Meyer dan Allen (1997) memecahkan komitmen organisasi kepada tiga dimensi: komitmen afektif (emosi dan kesetiaan), normatif (rasa tanggungjawab moral) dan berterusan (pertimbangan kos untuk keluar dari organisasi). Dalam konteks pelaksanaan PBD, guru yang mempunyai komitmen tinggi akan melaksanakan pentaksiran secara lebih bermakna, memberikan maklum balas berkualiti dan menyesuaikan strategi pengajaran mengikut keperluan murid. Namun, cabaran seperti kekurangan masa, beban kerja yang tinggi dan ketidakseimbangan antara tugas pentadbiran dan pedagogi sering kali menghalang guru daripada memberi komitmen sepenuhnya kepada pelaksanaan PBD (Tan & Kenayathulla, 2020; Amran et al., 2023).

Realiti ini menunjukkan perlunya kajian mendalam tentang bagaimana kepimpinan instruksional pentadbir sekolah boleh mempengaruhi komitmen guru dalam pelaksanaan pentaksiran. Meskipun pelbagai kajian lepas telah mengkaji hubungan antara dua pemboleh ubah secara berasingan, masih terdapat kekurangan kajian yang melihat ketiga-tiga elemen ini – kepimpinan instruksional, komitmen guru dan pelaksanaan PBD – dalam satu rangka kerja integratif. Kajian ini juga penting untuk memberikan gambaran yang lebih kontekstual terhadap pelaksanaan dasar di peringkat sekolah rendah, khususnya di daerah luar bandar seperti Alor Gajah yang mungkin menghadapi cabaran tersendiri dari segi sumber, infrastruktur dan pengalaman guru.

Berdasarkan latar belakang dan isu yang dikenal pasti, permasalahan utama kajian ini adalah tahap komitmen guru yang tidak konsisten dalam pelaksanaan PBD serta kekangan dalam pelaksanaan kepimpinan instruksional secara berkesan. Walaupun pelaksanaan PBD digalakkan secara menyeluruh di seluruh negara, pelbagai faktor seperti tekanan kerja, kekurangan pemahaman terhadap dokumen standard kandungan dan pentaksiran (DSKP), serta persepsi guru terhadap pentaksiran holistik telah menjadi



penghalang kepada pelaksanaan yang berkesan. Pemimpin sekolah pula berperanan penting dalam menyediakan sokongan moral dan profesional agar guru dapat menjalankan tugas mereka dengan keyakinan. Kajian oleh Palaganesh R. (2024) dan Kalaichelvi & Aida (2020) menekankan keupayaan kepimpinan instruksional untuk memotivasi warga sekolah dalam mendepani cabaran pelaksanaan dasar pendidikan.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti dan meneroka hubungan antara amalan kepimpinan instruksional guru besar dan tahap komitmen guru dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah di daerah Alor Gajah, Melaka. Kajian ini bersifat kuantitatif dan menggunakan reka bentuk tinjauan bagi memperoleh data empirikal yang dapat mengesahkan hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji. Tiga objektif utama ditetapkan dalam kajian ini iaitu: pertama, meneliti tahap penerapan elemen pelaksanaan kepimpinan instruksional oleh pentadbir sekolah di daerah Alor Gajah; kedua, meneliti sejauh mana komitmen yang ditunjukkan oleh guru dalam pengendalian PBD; dan ketiga, menganalisis kewujudan kaitan yang ketara antara kepimpinan instruksional guru besar dan komitmen guru dalam melaksanakan PBD.

Bagi menjawab objektif tersebut, kajian ini mengemukakan tiga persoalan utama: (1) Apakah aras pelaksanaan kepimpinan instruksional oleh guru besar di daerah Alor Gajah? (2) Apakah aras komitmen yang ditunjukkan oleh guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah di daerah berkenaan? (3) Adakah wujud hubungan yang ketara antara kepimpinan instruksional guru besar dan komitmen guru terhadap pelaksanaan PBD?

Melalui kajian ini, diharapkan daptatan yang diperoleh dapat memberikan sumbangan bermakna kepada literatur sedia ada serta membantu pihak berkepentingan, khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pentadbir sekolah, untuk memahami kepentingan kepimpinan instruksional dan peranan guru dalam menjayakan dasar pentaksiran bilik darjah. Kesimpulannya, kepimpinan yang berkesan dan komitmen yang tinggi merupakan asas penting dalam menjayakan pelaksanaan PBD yang berkualiti dan berimpak tinggi demi merealisasikan aspirasi pendidikan negara.

2. SOROTAN LITERATUR

Teori kepimpinan instruksional menekankan peranan aktif pemimpin sekolah dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran. Hallinger dan Murphy (1985) mengenal pasti tiga dimensi utama: penetapan matlamat, pengurusan pengajaran dan penciptaan iklim pembelajaran yang kondusif. Pemimpin instruksional terlibat secara langsung membimbing guru dan memantau prestasi bilik darjah. Leithwood et al. (2004) menambah dimensi kolaborasi dan pembangunan profesional berterusan. Robinson, Lloyd dan Rowe (2008) menunjukkan pemimpin yang fokus pada pengajaran memberi impak lebih besar terhadap pencapaian pelajar. Spillane (2006) mencadangkan model kepimpinan distributif yang melibatkan guru sebagai rakan strategik. Cotton (2003) pula menegaskan pentingnya sokongan emosi dalam kepimpinan berkesan.

Teori komitmen organisasi oleh Meyer dan Allen (1991) terdiri daripada komitmen afektif, normatif dan berterusan. Komitmen afektif melibatkan kesetiaan ikhlas, normatif berkait dengan tanggungjawab moral, manakala berterusan berpunca daripada pertimbangan kos-manfaat. Kajian Mowday, Steers dan Porter (1979) menunjukkan pekerja berkomitmen tinggi menunjukkan prestasi baik. Dalam pendidikan, guru komited lebih bermotivasi dan menyumbang kepada pembangunan sekolah. Yukl



(2013) menyatakan kepimpinan transformasi boleh meningkatkan komitmen afektif. Schein (2010) pula menekankan kesesuaian budaya organisasi dengan nilai individu.

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) pula adalah pentaksiran formatif berterusan yang menilai perkembangan pelajar. Black dan Wiliam (1998) serta Stiggins (2005) menekankan peranan PBD dalam memperbaiki pembelajaran dan motivasi pelajar. Di Malaysia, PBD selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Walau bagaimanapun, kekangan masa dan beban kerja menjadi cabaran. Harlen (2007) dan Brookhart (2013) menyarankan latihan profesional dan sokongan pentadbiran. Kepimpinan instruksional dan komitmen guru menjadi kunci pelaksanaan PBD yang berkesan.

3. METODOLOGI

3.1 Kaedah Penyelidikan

Penyelidikan ini telah menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk tinjauan. Ia digabungkan unsur Model Komitmen Guru Meyer & Smith (1993). Model Komitmen Guru yang diketengahkan oleh Meyer & Smith (1993) berasaskan kepada konsep Model Tiga Komponen Komitmen Organisasi yang diperkenalkan oleh Meyer dan Allen (1991). Dalam konteks guru atau pendidikan, model ini digunakan untuk mengkaji komitmen guru terhadap sekolah, profesi, dan kerjaya perguruan. Keputusan penyelidikan ini, berasaskan model yang digunakan, bertujuan mengenal pasti kesan kepimpinan instruksional guru besar terhadap tahap komitmen guru dalam PBD. Responden kajian melibatkan guru – guru daripada 10 buah sekolah rendah di sekitar daerah Alor Gajah, Melaka dan memperoleh data empirikal.

3.2 Populasi dan Sampel Kajian

Seramai 231 guru sekolah rendah sebagai responden telah menyertai dalam penyelidikan ini sebagai responden. Kaedah persampelan secara rawak diaplikasikan untuk memilih responden. Menurut Creswell (2008), kaedah persampelan rawak adalah teknik pemilihan sampel di mana setiap individu dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih, memastikan data yang diperoleh lebih mewakili dan mengurangkan bias. Melalui penggunaan persampelan rawak, pemilihan guru sebagai responden kajian ini dilaksanakan secara adil dan bebas daripada sebarang kecenderungan pemilihan, merangkumi guru-guru di daerah Alor Gajah, Melaka. Pendekatan ini amat penting dalam kajian kuantitatif dan menggunakan teknik seperti persampelan rawak untuk memastikan data yang dikumpul mewakili populasi sebenar. Tambahan pula, kaedah tinjauan dalam bentuk talian digunakan kerana ia adalah suatu kaedah yang cepat dan mudah untuk mengumpulkan data. Menurut Sue & Ritter (2012), kaedah tinjauan dalam talian ialah pendekatan pengumpulan data menggunakan platform digital yang menawarkan kelebihan seperti kos rendah, capaian luas, dan analisis segera, walaupun ia menghadapi cabaran seperti kadar respon yang rendah.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik berbentuk *Google Form*. Soal selidik berbentuk Google Form adalah alat pengumpulan data dalam talian yang mudah dan fleksibel, membolehkan penyelidik merancang, mengedarkan, dan menganalisis respons secara efisien dengan pelbagai jenis soalan, termasuk pilihan berganda, skala Likert, dan medan isian bebas (Rayhan & Akhter, 2013).

Instrumen kajian ini terbahagi kepada tiga seksyen utama. Seksyen A merangkumi data demografi responden. Soal selidik dalam Seksyen B menggunakan versi yang telah diolah daripada Skala Penilaian Pengurusan Instruksional Guru Besar (PIMRS) berdasarkan kajian Nilam (2013) yang berpandukan kepada Hallinger (2000) yang disunting daripada kerangka model kepimpinan instruksional (*Three Dimension*). Soalan dalam bahagian ini menampilkan tiga dimensi teras iaitu; mentakrifkan matlamat sekolah, mengurus program pengajaran dan pembelajaran, serta membentuk iklim sekolah yang positif. Seterusnya, Seksyen C menggunakan item soal selidik yang diadaptasi dan digubal daripada kajian Abdul Said dan Shanti (2017) bagi menilai tahap komitmen guru dalam pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).

Proses pengumpulan data dilaksanakan sepenuhnya melalui dalam talian menggunakan platform *Google Form*, bagi memastikan kebolehcapaian dan kemudahan responden menjawab tanpakekangan masa dan lokasi. Borang soal selidik dalam talian telah diagihkan kepada guru-guru sekolah rendah di daerah Alor Gajah melalui saluran rasmi yang dikendalikan oleh pihak pentadbir sekolah. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 29. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk mengenal pasti min, sisihan piawai dan kekerapan bagi setiap konstruk. Sementara itu, ujian Korelasi Pearson telah digunakan bagi menganalisis tahap hubungan yang signifikan antara kepimpinan instruksional guru besar dengan komitmen guru dalam pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Tahap kesignifikanan ditetapkan pada aras $p < 0.001$, bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan dapatan kajian.

3.4 Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan Item

Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk memperbaiki item-item yang digunakan agar instrumen kajian dapat mengukur pemboleh ubah dengan tepat (Creswell, 2014). Melalui kaedah persampelan rawak seramai 35 guru telah terlibat dalam kajian rintis. Instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah disunting daripada kajian yang dijalankan oleh Abdul Said et al. (2017). Manakala, instrumen pengukuran kepimpinan instruksional tidak mengalami sebarang perubahan dari segi keaslian (Nilam, 2013). Sekaran (1992) menyatakan bahawa kebolehpercayaan instrumen meningkat apabila nilai alfa Cronbach mendekati 1. Ujian kebolehpercayaan dilakukan dengan menggunakan nilai alfa Cronbach, yang menunjukkan bahawa nilai mendekati 1 mencerminkan kebolehpercayaan yang tinggi, manakala nilai di bawah 0.6 menandakan kebolehpercayaan yang rendah dan memerlukan penghapusan item. Hasil analisis menggunakan ujian statistik Cronbach's Alpha memberikan bukti emperik dimana komponen – komponen yang disunting adalah sesuai untuk soal selidik serta menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang memuaskan. Klasifikasi Cronbach's Alpha adalah seperti dalam jadual 1.

Jadual 1: Klasifikasi Indeks kebolehpercayaan Cronbach's Alpha

Cronbach's Alpha	Indikator
$\alpha \geq 0.90$	Sangat Baik
$0.80 \leq \alpha \leq 0.90$	Baik
$0.70 \leq \alpha \leq 0.80$	Memuaskan
$0.60 \leq \alpha \leq 0.70$	Lemah
$0.50 \leq \alpha \leq 0.60$	Sangat lemah
$\alpha \leq 0.50$	Tidak Boleh diterima

Berikut adalah keputusan analisis indeks kebolehpercayaan bagi instrumen kajian. Analisis telah dijalankan pada seksyen B, C dan keseluruhan seksyen B dan C.

Maklumat Responden (N=231)	Frekuensi	Peratus (%)	Jadual 2:
Jantina			
Lelaki	0	26	
Perempuan	71	74	
Umur			
≤ 26 tahun	8	12.1	
26 – 35 tahun	5	19.5	
36 – 45 tahun	7	33.3	
46 tahun ≥	1	35.1	
Pengalaman Mengajar			
≤ 6 Tahun	1	13.4	
6 - 10 Tahun	5	6.5	
11 - 15 Tahun	3	31.6	
16 tahun ≥	12	48.5	
Tempoh perkhidmatan di bawah seliaan guru besar sekarang			
≤ 2 Tahun	6	41.5	
2 - 4 Tahun	08	46.8	
4 tahun ≥	7	11.7	

Keputusan Tahap Cronbach's Alpha

Soal selidik	Cronbach's Alpha	Indikator
Seksyen B	0.978	Sangat Baik
Seksyen C	0.979	Sangat Baik
Seksyen B dan C	0.978	Sangat Baik

Hasil analisis kebolehpercayaan instrumen soal selidik menggunakan Cronbach's Alpha menunjukkan bahawa seksyen B dan seksyen C masing-masing memperoleh nilai .978 dan .979. Secara keseluruhan, gabungan Bahagian B dan C mencatatkan nilai .978. Berdasarkan interpretasi indeks kebolehpercayaan nilai Cronbach's Alpha, nilai yang melebihi 0.9 menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang sangat baik terhadap instrumen yang digunakan. Sehubungan itu, soal selidik yang digunakan adalah konsisten dan relevan untuk meneruskan proses analisis data.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Kajian ini telah melibatkan seramai 231 guru daripada daerah Alor Gajah, Melaka. Jadual 3 merangkumi demografi responden. Peratusan bagi faktor jantina, umur, pengalaman mengajar dan tempoh perkhidmatan di bawah seliaan guru besar sekarang telah diukur.

Jadual 3: Profil Responden Kajian

Berdasarkan jantina, majoriti responden terdiri daripada guru perempuan (74%, n= 171) berbanding guru lelaki (26%, n=60). Dari segi taburan umur, sebahagian besar responden guru adalah dalam lingkungan 46 tahun ke atas (35.1%, n=81) diikuti 36 tahun hingga 45 (33.3%, n=77). Responden yang berumur 26 hingga 35 tahun pula adalah (19.5%, n= 45) dan guru berumur kurang daripada 26 tahun hanya (12.1%, n=28).

Dari aspek pengalaman mengajar, guru yang berkhidmat lebih daripada 16 tahun adalah paling ramai (48.5%, n=112) manakala guru yang berpengalaman mengajar dalam lingkungan 11 hingga 15 tahun adalah (31.6%, n=73). Hanya 15 orang (6.5%) dan 31 orang (13.4%) masing-masing mempunyai pengalaman antara 6 hingga 10 tahun dan kurang daripada 6 tahun.

Dari aspek tempoh perkhidmatan di bawah seliaan guru besar semasa, majoriti responden, iaitu seramai 96 orang (41.5%), telah berkhidmat kurang daripada dua tahun, manakala 108 orang (46.8%) telah berkhidmat antara dua hingga empat tahun. Hanya 27 orang (11.7%) sahaja yang telah berkhidmat lebih daripada empat tahun di bawah guru besar yang sama.

4.1 Tahap Amalan Kepimpinan Instruksional Guru Besar di Daerah Alor Gajah

Jadual 4: Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Kepimpinan Instruksional

Dimensi	Pengurusan Program Instruksional	Sisihan Piawai		Interpetasi
		Min	SP	
Pengurusan Instruksional	4.43	0.53	Tinggi	
Membentuk Iklim Sekolah	4.46	0.44	Tinggi	
Mentafsir Misi Sekolah	4.40	0.52	Tinggi	
Kepimpinan Instruksional	4.37	0.57	Tinggi	

Jadual 4 menunjukkan analisis nilai skor min (m) dan sisihan piawai (SP) terhadap dimensi kepimpinan instruksional. Dimensi membentuk iklim sekolah mencatatkan nilai skor min tertinggi (m = 4.46, SP = .44) diikuti dimensi pengurusan program instruksional (min = 4.43, SP = .53) dan dimensi mentafsir misi sekolah (m = 4.40 SP = .52). Secara keseluruhan, pemimpin sekolah di daerah Alor Gajah mengamalkan Kepimpinan Instruksional dengan tahap yang tinggi (m = 4.37, SP = .57).

4.2 Tahap Komitmen Guru Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah di Daerah Alor Gajah

Jadual 5: Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Komitmen Guru

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai	Interpetasi	Tahap Komitmen
				Guru
Afektif	4.40	0.61	Tinggi	
Berterusan	4.25	0.62	Tinggi	
Normatif	4.35	0.61	Tinggi	
				4.36
				0.51
				Tinggi

Berdasarkan Jadual 5, analisis tahap komitmen guru menunjukkan bahawa secara keseluruhan aras komitmen adalah tinggi (m = 4.36, SP = .51). Ketiga-tiga dimensi komitmen turut menunjukkan nilai skor

min yang tinggi, masing-masing 4.40, 4.25 dan 4.35. Sisihan piawai yang berada dalam julat 0.51 hingga 0.65 menunjukkan bahawa terdapat sedikit variasi dalam jawapan responden, namun secara umumnya tahap komitmen guru adalah konsisten dan berada pada tahap yang tinggi. Secara kesimpulannya, tahap komitmen guru di daerah Alor Gajah dalam pelaksanaan PBD berada pada tahap tinggi.

4.3 Hubungan Antara Amalan Kepimpinan Instruksional Guru Besar Dan Komitmen Guru Dalam Melaksanakan PBD Di Daerah Alor Gajah

Jadual 6: Analisis Korelasi Person Antara Pembolehubah Amalan Kepimpinan Instruksional Dan Komitmen Guru Dalam Pelaksanaan PBD.

		Kepimpinan Instruksional	Komitmen Dalam Melaksanakan Pbd	Guru
Kepimpinan Instruksional	Korelasi Pearson	1	.629*	
	Sig. (2-tailed)		<.001	
	N	231	231	
Komitmen Guru Dalam Melaksanakan Pbd	Korelasi Pearson	.629**	1	
	Sig. (2-tailed)	<.001		
	N	231	231	

Jadual 6 menunjukkan analisis dapatan kajian Korelasi Pearson dan ia merumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara amalan kepimpinan instruksional oleh guru besar sekolah dengan komitmen guru terhadap pelaksanaan PBD. Hasil analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan secara positif antara kedua-dua pemboleh ubah yang dikaji, $r (229) = .63, p < .001$. Nilai korelasi ini menunjukkan kekuatan hubungan pada tahap sederhana ke tinggi, berdasarkan tafsiran Cohen (1988), yang menandakan bahawa wujud hubungan yang kukuh. Penemuan ini mengesahkan bahawa pentadbir sekolah melaksanakan kepimpinan instruksional secara konsisten dan berkesan, termasuk aspek seperti pengurusan program instruksional, membentuk iklim sekolah dan mentafsir misi sekolah.

5.0 PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan secara terperinci dapatan kajian yang telah diperoleh berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang ditetapkan. Tiga persoalan utama yang menjadi tunjang kepada kajian ini

Secara keseluruhannya, dapatan analisis menunjukkan bahawa tahap kepimpinan instruksional dalam kalangan guru besar berada pada kategori tinggi, manakala komitmen guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) turut berada pada tahap yang tinggi. Selain itu, analisis juga mengesahkan kewujudan hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Penemuan ini menyokong objektif kajian yang ingin menilai hubungan antara gaya kepimpinan dan kecekapan pelaksanaan dasar pentaksiran di sekolah rendah.

Tahap tinggi kepimpinan instruksional selari dengan kajian Hallinger dan Murphy (1985) berpendapat pemimpin berkesan mampu menetapkan visi pengajaran, menyelia pengajaran serta membina iklim pembelajaran yang positif. Di Malaysia, dapatan ini adalah sejajar dengan penemuan Mohd Izham dan Norzaini (2014) yang mendapati bahawa pengetua atau guru besar yang memberi penekanan terhadap aspek pengajaran dan pembelajaran berupaya meningkatkan tahap dedikasi guru dalam melaksanakan tanggungjawab profesional mereka. Hasil kajian ini turut memberikan sokong yang kuat bahawa guru besar di daerah Alor Gajah berperanan aktif sebagai pemimpin instruksional melalui sokongan pedagogi dan pemantauan bilik darjah, selari dengan Leithwood et al. (2008) dan Robinson et al. (2008).

Komitmen guru yang tinggi pula menggambarkan keterikatan afektif dan normatif terhadap organisasi, seperti yang diuraikan dalam teori Meyer dan Allen (1991). Guru menunjukkan keinginan intrinsik untuk melaksanakan pentaksiran secara berkesan, bukan hanya kerana keperluan dasar tetapi juga atas kesedaran profesional. Rashidah Othman et al. (2022) menyatakan bahawa guru yang memiliki komitmen afektif cenderung memberikan tumpuan terhadap pembangunan murid secara holistik melalui PBD. Peranan kepimpinan dalam membina sokongan emosi, menyediakan latihan dan mengiktiraf sumbangan guru telah membina komitmen ini, seperti yang turut ditegaskan oleh Tan dan Kenayathulla (2020).

Impak kajian ini memberikan beberapa implikasi penting kepada pihak berkepentingan, terutamanya kepada pihak pentadbir sekolah. Kajian ini membuktikan bahawa amalan kepimpinan instruksional perlu diperkuuhkan melalui bimbingan berstruktur, komunikasi berkesan dan peka terhadap beban tugas guru. Kementerian Pendidikan dan Pejabat Pendidikan Daerah pula digalakkan untuk merangka program pembangunan kepimpinan yang menekankan elemen instruksional dan sokongan terhadap pelaksanaan PBD. Menurut Day et al. (2016), kepimpinan yang berasaskan nilai pembelajaran akan memberi kesan besar terhadap motivasi guru dan pencapaian pelajar. Dalam konteks latihan guru, implikasi kajian ini mencadangkan agar kurikulum latihan pra perkhidmatan dan dalam perkhidmatan menekankan aspek komitmen profesional dan pentaksiran formatif secara holistik (Brookhart, 2013).

Kajian ini turut memiliki kekuatan tersendiri. Ia memberi fokus kepada konteks sekolah rendah luar bandar di daerah Alor Gajah, suatu bidang yang kurang diberi perhatian dalam kajian pendidikan Malaysia (Ahmad & Yusof, 2023). Instrumen kajian dibina berdasarkan konstruk yang mantap dan terbukti sah dari kajian lepas seperti oleh Hallinger dan Meyer & Allen. Penggunaan platform digital seperti Google Form dalam pengumpulan data membolehkan capaian meluas dan meningkatkan kadar respons (Che Hassan et al., 2022). Kajian ini juga memanfaatkan SPSS versi 29 dalam penganalisisan data, yang meningkatkan kecekapan dan ketepatan daptatan. Satu lagi kekuatan penting ialah penggunaan dimensi komitmen guru secara terperinci (afektif, normatif, berterusan) sebagaimana yang disarankan oleh Ismail et al. (2021), menjadikan analisis lebih holistik dan berkesan.

Namun begitu, terdapat beberapa keterbatasan kajian. Kajian ini menggunakan reka bentuk rentas masa yang tidak membolehkan penilaian terhadap perubahan sikap atau keberkesanan pelaksanaan PBD dari semasa ke semasa (Mohd Shamsuri et al., 2023). Sumber data hanya diperoleh melalui soal selidik, tanpa sebarang triangulasi melalui temu bual atau pemerhatian, yang boleh membawa kepada bias persepsi atau respons sosial (Jalil & Alias, 2020). Selain itu, kajian tidak mengawal pemboleh ubah luaran seperti tekanan kerja atau beban pentadbiran yang mungkin mempengaruhi tahap komitmen guru. Jumlah



responden juga terbatas kepada sekolah rendah di satu daerah sahaja, justeru kebolehgunaan hasil kajian untuk konteks nasional perlu dinilai secara berhati-hati.

Bagi memperkuuh kajian masa depan, beberapa cadangan boleh dikemukakan. Kajian lanjutan disarankan menggunakan reka bentuk longitudinal bagi menilai perubahan komitmen dan amalan PBD guru selepas intervensi latihan atau perubahan kepimpinan. Kamaruddin dan Rahim (2024) menunjukkan bahawa pelaksanaan PBD yang efektif memerlukan pemantauan berkala serta perubahan sikap jangka panjang. Selain itu, kajian kualitatif atau reka bentuk bercampur boleh membantu memahami pengalaman guru dan cabaran sebenar mereka dalam bilik darjah secara lebih terperinci (Lee et al., 2021). Kajian perbandingan antara sekolah bandar dan luar bandar juga wajar dilaksanakan untuk melihat variasi dalam konteks pelaksanaan PBD (Zainuddin & Mohd Rosli, 2025). Akhir sekali, penyelidikan menggunakan Model Persamaan Struktur (SEM) boleh dijalankan bagi menguji peranan mediasi atau moderator seperti sokongan organisasi atau efikasi kendiri dalam hubungan antara kepimpinan dan pelaksanaan PBD, seperti yang diusulkan oleh Hair et al. (2020).

6.0 KESIMPULAN

Melalui kajian ini, didapati bahawa kepimpinan instruksional guru besar memainkan peranan penting dalam mempengaruhi komitmen guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Dapatkan menunjukkan kedua-dua pemboleh ubah berada pada tahap tinggi dan saling berkait rapat secara signifikan. Ini membuktikan bahawa pelaksanaan dasar pendidikan memerlukan sinergi antara kepimpinan yang berkesan dan komitmen profesional guru.

Penghargaan

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu dalam menjayakan kajian ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Aida Hanim A. Hamid atas tunjuk ajar dan bimbingan berterusan sepanjang penyelidikan ini. Penghargaan juga ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka atas sokongan dasar dan logistik. Tidak dilupakan jasa para guru besar dan guru-guru di Alor Gajah atas kerjasama yang baik. Terima kasih kepada isteri saya, Kogilavani Palanyappan, serta rakan-rakan seperjuangan atas dorongan dan sokongan yang amat dihargai.

Biografi Penyelidik

Saya merupakan seorang guru sekolah rendah dengan pengalaman selama 13 tahun dalam dunia pendidikan. Kini, saya sedang melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Pendidikan dalam jurusan Pentadbiran Pendidikan bagi memperkuuh pengetahuan dan kemahiran kepimpinan, seterusnya menyumbang secara lebih berkesan kepada pembangunan sekolah dan kemajuan murid.

RUJUKAN

1. Abdul Ghani Abdullah, Norliah Kudus, Nor Azilah Mohamed., “Hubungan Antara Kepimpinan Instruksional Dan Komitmen Guru Di Sekolah Menengah Harian”, JKP, 2016, 3(2), 45–60.
2. Abdul Said M, Shanti R., “Komitmen Guru Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berdasarkan Sekolah”, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2017



3. Abdul Wahab J. A., Jamaludin H., Che Ahmad C. N., “Cabaran Pelaksanaan PBD Di Sekolah Luar Bandar: Satu Tinjauan Awal”, *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2021, 8(1), 31- 45.
4. Ahmad R., Yusof H., “Kepimpinan Pendidikan Di Kawasan Luar Bandar: Satu Tinjauan Literatur”, *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2023, 13(1), 45–57.
5. Alma H, Michelle Jones, Kenny Soon Lee Cheah, Edward Devadason, Donnie Adams., “Exploring Principals’ Instructional Leadership Practices in Malaysia: Insights and Implications”, *Journal of Educational Administration*, 2017, 55(2). <https://doi.org/10.1108/JEA-05-2016-0051>.
6. Amran M, Halimatussa’diah H., Nooraini N., “Kepimpinan Instruksional Dan Pelaksanaan PBD: Satu Kajian Kes”, *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2023, 11(1), 44–59.
7. Black P., Wiliam D., “Assessment and Classroom Learning”, *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 1998, 5(1), 7-74.
8. Blasé J, ‘Principals’ Instructional Leadership and Teacher Development: Teachers’ Perspectives”, *Educational Administration Quarterly*, 1999, 35(3), 349–378.
9. Brookhart S. M, “How to Create and Use Rubrics for Formative Assessment and Grading”, ASCD. 2013.
10. Brown H. D., “Language Assessment: Principles and Classroom Practices”, Pearson Education. 2004.
11. Che Hassan N., Wahid M. H., Rahman F., “Kebolehgunaan Google Form Dalam Pengumpulan Data Penyelidikan Pendidikan”, *Jurnal Teknologi Dan Pendidikan*, 2022, 10(2), 66–74.
12. Cheng Y. C., Ko P. Y., Lee T. T. H., “School Autonomy, Leadership and Learning: A Reconceptualization”, Springer. 2016.
13. Cohen J., “Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences (2nd ed.)”, Lawrence Erlbaum Associates. 1988.
14. Cotton K., “Principals and Student Achievement: What the Research Says”, ASCD, 2003
15. Creswell J. W., “Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research (3rd ed.)”, Pearson Education, 2008.
16. Creswell J. W., “Research design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches (4th ed.). “Thousand Oaks, CA: SAGE Publications, 2014.
17. Day C, Sammons P, Stobart G, Kington A, Gu Q., “Teachers Matter: Connecting Lives, Work and Effectiveness”, Open University Press, 2007.
18. Dorin A., Yasin M. H. M., “Sikap Guru Bahasa Melayu Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah”, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 2021, 6(2), 112-125.
19. Guskey T. R., “Using Assessments to Improve Teaching and Learning”, In D. Reeves (Ed.), *Ahead of the Curve: The Power of Assessment to Transform Teaching and Learning*, 2007, 15–29. Solution Tree.
20. Hair J. F., Black W. C., Babin,B. J., Anderson R. E., “Multivariate Data Analysis (8th ed.)”. Cengage Learning, 2020
21. Hallinger P., Murphy J., “Assessing the Instructional Management Behavior of Principals”, *The Elementary School Journal*, 1985, 86(2), 217-247.
22. Hallinger P., “A Review of Two Decades of Research on the Principalship Using the Principle Instructional Management Rating Scale (PIMRS)”, *The American Educational Research Association*, Seattle, WA, 2000.



23. Hallinger P., Heck R. H., “Conceptual and Methodological Issues in Studying School Leadership Effects as A Reciprocal Process.”, *School Effectiveness and School Improvement*, 2011, 22(2), 149–173.
24. Harlen W., “Assessment of Learning”, SAGE Publications, 2007.

25. Ismail S. F., Majid F. A., Zahari M., “Komitmen Guru Dalam Organisasi Pendidikan: Analisis Tiga Dimensi Komitmen Organisasi”, *Journal of Educational Leadership*, 2021, 6(3), 22–35.
26. Jalil N. A., Alias N., “Kaedah Pengumpulan Data Dalam Kajian Pendidikan: Satu Perbandingan Antara Pendekatan Tunggal Dan Pelbagai”, *International Journal of Educational Research*, 2020, 8(1), 50–64.
27. Kalaichelvi B. Aida H., “Amalan Kepimpinan Instruksional Pengetua di Sekolah Menengah di Bandar Banting”. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2020, 2(1), 264-284.
28. Kamaruddin, A., Rahim, N., “Transformasi Sikap Guru Terhadap Pentaksiran Bilik Darjah Selepas Latihan: Satu Kajian Longitudinal”, *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 2024, 49(1), 33–48.
29. Kementerian Pendidikan Malaysia, “Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025”, Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2013.
30. Lee C. Y., Mokhtar M., Ariffin S., “Pendekatan Naratif Dalam Kajian Pelaksanaan PBD: Suara Guru Sebagai Agen Perubahan”, *Journal of Assessment in Education*, 2021, 7(2), 15–28.
31. Lee H. Y., Mohd Zahuri Khairani, “Pelaksanaan PBS Guru-Guru PSV Hilir Perak Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Estetik.” *KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 2018, (6):1-10.
32. Leithwood K., Day C., Sammons P., Harri, A., Hopkins, D., “Seven Strong Claims About Successful School Leadership”, National College for School Leadership, 2004
33. Leithwood K., Harris A., Hopkins, D., “Seven Strong Claims About Successful School Leadership”, *School Leadership and Management*, 2008, 28(1):27–42.
34. Leithwood K., Beatty, B., “Leading with Teacher Emotions in Mind”, Corwin Press. 2008
35. Mathieu J. E., Zajac D. M., “A Review and Meta-Analysis of The Antecedents, Correlates, And Consequences of Organizational Commitment.” *Psychological Bulletin*, 1990, 108(2), 171-194.
36. Meyer J. P., Allen N. J., “A Three-Component Conceptualization of Organizational Commitment”, *Human Resource Management Review*, 1991, 1(1), 61-89.
37. Meyer J. P., Smith C. A., “Commitment to Organizations and Occupations: Extension and Test of a Three-Component Conceptualization”, *Journal of Applied Psychology*, 1993, 78(4), 538–551.
38. Meyer J. P., Allen N. J., “Commitment in The Workplace: Theory, Research, And Application”, Thousand Oaks, CA: SAGE Publications, 1997.
39. Mohd Izham Mohd Hamzah, Norzaini Azman, “Kepimpinan Instruksional Pengetua: Amalan Dan Cabaran Dalam Konteks Malaysia”, *JKPK*, 2014, 28(1),1–14.
40. Mohd Mahzan Awang, Noor Azmi Mostafa, “Kepimpinan Instruksional Pengetua Di Sekolah Luar Bandar: Cabaran Dan Strategi”, *IJET*, 2017, 3(2), 23–32.
41. Mohd Shamsuri M. N., Aminuddin H., Tarmizi M., “Limitasi Kajian Rentas Masa Dalam Penyelidikan Pendidikan: Analisis Kritikal”, *Research in Educational Methodology*, 2023, 11(1), 19–29.
42. Mowday R. T., Steers R. M., Porter L. W., “The Measurement of Organizational Commitment. *Journal of Vocational Behavior*”, 1979, 14(2), 224-247.



43. Nilam Mohamed, “Hubungan Antara Kepimpinan Instruksional Dan Iklim Sekolah Di Sekolah Kebangsaan Zon Batu Anam Segamat”, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Johor Baharu, 2013.
44. Norliah Ibrahim, Siti Noor Ismail, “Kepimpinan Instruksional Dan Komitmen Guru Di Sekolah Rendah: Satu Tinjauan Empirikal”, Jurnal Pendidikan Malaysia, 2020, 45(1) 89–102.
45. Norzila Ismail, Nurfaradilla Mohd Nasir, Nor Azah Nordin, “Exploring Teachers’ Perceptions and Practices of Classroom-Based Assessment in Malaysia”, Malaysian Journal of Learning and Instruction, 2022, 19(1), 129–151.
46. Palaganesh, R., “Peranan Kepimpinan Instruksional Dalam Meningkatkan Komitmen Guru”, Jurnal Pengurusan Pendidikan, 2024, 12(1), 20–35.
47. Rashidah Othman, Mohd Izham Hamzah, Mohamed Yusoff Mohd Nor, “Peranan Kepimpinan Dalam Pembangunan Modal Insan Sekolah”, Jurnal Pengurusan Pendidikan Malaysia, 2022, 26(2), 19–30.
48. Rayhan M. I., Akhter S., “Google Forms: A Tool for Educational Research”, International Journal of Research Studies in Educational Technology, 2013, 2(2), 29-34.
49. Robinson, Lloyd, Rowe, “The Impact of Leadership on Student Outcomes: An Analysis of the Differential Effects of Leadership Types”, Educational Administration Quarterly, 2008, 44(5), 635–674.
50. Rosli S., Mahmud S. F., Azni M. E., “Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Dalam Membangunkan Modal Insan Bersepadu”, Jurnal Dunia Pendidikan, 2022, 4(1), 86–103.
51. Ross J. A., Gray P., “Transformational Leadership and Teacher Commitment to Organizational Values: The Mediating Effects of Collective Teacher Efficacy”, School Effectiveness and School Improvement, 2006, 17(2), 179–199.
52. Samsiah,S. R., Khalip M. (2019), “Tahap Amalan Kepimpinan Instruksional Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Di Malaysia”, Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan, 2019,32(1), 1-14.
53. Schein E. H., “Organizational Culture and Leadership”, Jossey-Bass. 2010.
54. Sekaran U., “Research Methods for Business: A Skill-Building Approach”, John Wiley & Sons, 1992.
55. Spillane J. P., “Distributed leadership”, Jossey-Bass, 2006
56. Stiggins R. J., “Assessment Crisis: The Absence of Assessment for Learning”, Phi Delta Kappan, 2002, 83(10), 758-765.
57. Tan C. S., Kenayathulla H. B., “Pentaksiran Bilik Darjah Di Malaysia: Autonomi Guru Dan Cabaran Pelaksanaan”, Jurnal Kepimpinan Pendidikan, 2020, 7(1), 14–29.
58. Yukl G., “Leadership In Organizations”, Pearson Education, 2013.
59. Zainuddin A. M., Mohd Rosli A., “Perbandingan Amalan Kepimpinan Dan Komitmen Guru Antara Sekolah Bandar Dan Luar Bandar Di Malaysia”, Malaysian Educational Review, 2025, 15(1), 10–24.